



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KAJIAN KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SISTEM  
5S DI PERBADANAN PEMBEKALAN LKTRIK  
SARAWAK (SESCO) DAN TAIYO YUDEN.**

**Oleh:**

**ZAIDI ANWARI (KETUA KUMPULAN)  
99025400**

**NORMI JAMIL**

**NURUL AINIE MOHD TAHIR**

Kertas kerja ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak bagi memenuhi keperluan syarat kursus Diploma Pentadbiran Awam.

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SAMARAHAN CAWANGAN SARAWAK**

**MAC 2002**

## ABSTRAK

Kami merupakan pelajar tahun akhir Universiti Teknologi Mara (UITMKS) untuk Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang telah membuat satu kajian mengenai tujuan keberkesanan pelaksanaan 5S di SESCO atau nama penuhnya agensi Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak dan Taiyo Yuden iaitu merupakan sebuah syarikat pengeluaran barangan elektronik dari negara Jepun. Memandangkan pelaksanaan 5S adalah masih baru dijalankan di SESCO maka kami ingin melihat setakat manakah keberkesanannya pada sistem tersebut. Samaada pelaksanaan tersebut telah berjaya atau mencapai matlamat asal sistem tersebut pada SESCO. Berlainan pula dengan Taiyo Yuden, sistem 5S tersebut telah lama bertapak pada organisasi ini sejak bermula penubuhannya di negara ini. Walaupun sistem 5S telah lama di amalkan di Taiyo Yuden, akan tetapi kami ingin mengkaji sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaannya. Kami mengkaji pelaksanaannya bagi mengetahui sejauhmanakah keberkesanan sistem 5S berjaya terlaksana di Taiyo Yuden berdasarkan kerjasama yang erat di kalangan para pekerja bagi mencapai objektif asal sistem tersebut. Di samping itu juga, ia bertujuan mencari jalan mewujudkan sebuah organisasi yang mampu menghadapi pelbagai cabaran yang ditempuhi di masa hadapan dalam berbagai bidang. Hal ini termasuklah dari segi pengurusan, pentadbiran, kecekapan, kepantasan dalam bekerja, dan yang paling penting sekali mutu dan kualiti kerja sekali gus meningkatkan tahap disiplin diri dalam melaksanakan tugas harian mereka dengan penuh etika dan berdedikasi. Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat kami telah menjalankan soal selidik terhadap pihak SESCO dan Taiyo Yuden yang kami temui sepanjang kajian yang dijalankan ini. Apa yang mampu kami katakan di sini ialah kajian ini akan menjadi rujukan kepada mana-mana generasi pada masa hadapan untuk mewujudkan kajian yang dapat membentuk tahap pengurusan yang cekap, berkualiti dan berkesan.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu kami bersyukur ke hadrat Illahi kerana berkat keizinanNya, maka kami dapat memperolehi segala maklumat keperluan subjek PAD 340. Tanpa pertolongan daripada pihak lain, kajian ini mungkin tidak akan sempurna dalam mencari segala maklumat. Melalui kesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Encik Nicholas Amin, selaku pensyarah PAD 340.

Tidak lupa juga kepada Penyelia utama kami, Encik Abang Yusuf Abang Spawi. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa dan tenaga bagi menjayakan kajian kami ini. Tanpa pertolongan daripada beliau tidak mungkin kajian kami dapat dijalankan dengan sempurna.

Selain daripada itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua bahagian pengurusan SESCO dan Taiyo Yuden di dalam memudahkan tugas kami sepanjang kajian dijalankan.

Tidak lupa juga kepada jasa orang perseorangan, kerana telah meminjamkan kemudahan komputer dan kenderaan. Tanpa kerjasama dari semua pihak, sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, adalah mustahil bagi kami untuk merealisasikan kajian ini.

Terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Abstrak	I
Surat Akuan	II
Penghargaan	III
Senarai Istilah	IV
Isi Kandungan	V-VII

### **Bab 1 : Pengenalan Kajian**

1.0	Latar Belakang	1
1.1	Penyata Masalah	5
1.2	Objektif Kajian	6
1.3	Skop Kajian	7
1.4	Hipotesis Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Metodologi	12

### **Bab 2 : Tinjauan Literature**

2.0	Pengenalan	19
2.1	Cara-Cara Mempraktik 5S	20

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 LATAR BELAKANG**

Selaras dengan hasrat kerajaan negara kita iaitu 'Dasar Pandang Ke Timur' yang telah lama diamalkan oleh Perdana Menteri kita iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, sama ada pada corak pentadbiran negara, penggunaan teknologi atau pentadbiran keewangan negara adalah lebih banyak menjurus kepada sistem pelaksanaan negara matahari terbit ini daripada berbagai sudut. Kini terdapat satu lagi pendedahan baru yang telah lama diterima pakai di Negara Jepun, dan kini dengan secara meluasnya telah diamalkan di negara ini dan negara jiran kita iaitu Singapura. Ia lebih tertumpu kepada agensi kerajaan dan sedikit pada agensi swasta. Ianya adalah sistem 5S.

Pada kajian kami kali ini, kami akan mengkaji secara terperinci terhadap pelaksanaan sistem 5S pada dua buah agensi iaitu bagi badan kerajaan (SESCO) dan agensi swasta pula (TAIYO YUDEN). Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan teliti mengenai keberkesanan pelaksanaan sistem 5S yang dijalankan pada kedua-dua agensi tersebut.

Oleh yang demikian, beberapa pendekatan yang efektif dan bersesuaian dengan tajuk kajian, telah kami jalankan selaras dengan tajuk kajian ini agar ianya berjaya dan mencapai matlamat asal kajian kami iaitu setakat manakah keberkesanan pelaksanaan sistem 5S ini berjaya dilaksanakan. Sehubungan dengan itu kajian